

PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian adalah seperti berikut :

KEWAJIPAN PERSONEL PPKK & KLPM

Kami berusaha memastikan :

- Segala urusan pentadbiran dikendalikan dengan mesra, amanah, cekap dan secepat mungkin mengikut keperluan.
- Semua pelanggan boleh mendapat maklumat mengenai perkhidmatan yang disediakan.
- Semua pelanggan yang membuat temujanji dapat berjumpa pegawai mengenai urusan perkhidmatan kesihatan pergigian secepat mungkin.

Jika terdapat sebarang kemusykilan / masalah sila hubungi:

Pengarah PPKK & KLPM/
Timb. Pengarah Perkhidmatan Pergigian/
Timbalan Pengarah Latihan

Beralamat di:

Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia,
3, Jalan Sepoy Lines,
10450 Pulau Pinang
Tel: 04 - 2299233

KEWAJIPAN PELANGGAN

Pelanggan perlu :

- a. Membawa dokumen yang diperlukan berkaitan urusan berkenaan.
- b. Menepati temujanji yang diberi atau menghubungi pejabat ini sekiranya tidak dapat menepati temujanji.
- c. Menggunakan kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab.
- d. Bekerjasama dengan memberi maklumat sebenar dan lengkap berkaitan masalah yang dihadapi.

PIAGAM PELANGGAN BAHAGIAN LATIHAN

Bahagian ini bertekad, komited dan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada setiap pelanggan:

- a. Setiap pesakit akan dilayan dengan mesra, bertimbangrasa, hormat, bersopan santun dan ikhlas.
- b. Setiap pesakit akan didaftarkan dalam tempoh 30 minit.
- c. Setiap pesakit akan diberi maklumat mengenai perkhidmatan yang disediakan dan caj rawatan yang dikenakan.
- d. Rawatan pergigian akan dimulakan dalam tempoh 60 minit selepas pendaftaran kecuali dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan.
- e. Setiap pesakit akan diberi perkhidmatan pergigian yang sewajarnya, secara cekap dan professional.
- f. Kemudahan dan peralatan yang digunakan dalam bilik rawatan adalah bersih dan telah melalui proses pembasmian kuman.
- g. Setiap pesakit akan diberi maklumat mengenai aspek-aspek penting rawatan dan pencegahan penyakit pergigian.
- h. Setiap pesakit akan diberi penjelasan mengenai rawatan yang akan dijalankan
- i. Segala maklumat mengenai pesakit akan dirahsiakan dan hanya diberitahu kepada pihak tertentu dengan keizinan pesakit, tertakluk kepada undang-undang.

Sekiranya perkara diatas tidak ditepati, sila berhubung dengan Pegawai Pergigian untuk bantuan. Sekiranya ada kemusykilan/ masalah, sila hubungi PPD / PP Y/M.